

ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BILANGAN 6/1969.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Maramg.

Kecuaian Kerja Penghulu-penghulu.

Telah didapati ada diantara Penghulu-penghulu yang telah tidak menjalankan kewajipan masing-masing dengan sewajarnya. Contohnya adalah seperti menjalankan sesuatu keputusan kerajaan yang telah disampaikan kepadanya dengan tidak diambil perhatian langsung. Terutama sekali apabila seseorang Penghulu itu mengambil alih tugas Penghulu yang lain pada masa pertukaran, Penghulu yang berkenaan tidak mengambil tahu akan kerja-kerja yang mustahak. Yang telah ditinggalkan oleh Penghulu dahulu sehingga bertahun-tahun kebelakangan masih tidak disedarinya juga.

2. Dengan ini tuan hendaklah memberi ingatan kepada tiap-tiap Penghulu yang mereka mestilah sentiasa cergas dan mengambil berat atas semua arahan-arahan dan tanggungjawab masing-masing.
3. Dengan ini juga adalah tuan diminta memberi amaran kepada Penghulu yang tidak menunaikan kewajipan masing-masing dengan memberi puashati akan diambil perjalanan tatatertib.
4. Jika ada berlaku kecuaiian Penghulu-penghulu, tuan hendaklah hantar kan laporannya ke Pejabat Ini dengan segera bagi diambil tindakan.

t.t.
 (DATO' MOHAMAD BIN IBRAHIM)
 Pesuruhjaya Tanah dan Galian
 Terengganu.

Bil. P.T.&G.TR. 87/64/ (51)

s.k.
 Y.B. Setiausaha Kerajaan,
 Terengganu.

Pesuruhjaya Tanah,
 Negeri-negeri Tanah Melayu,
 Jalan Gurney,
 Kuala Lumpur.

Kuala Terengganu, 14hb. Mei, 1969.